

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 12 JANUARI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 22

MoU mampu sumbang pelaburan RM636 bilion

# MoU mampu sumbang pelaburan RM636 bilion

**Johor Bahru:** Pemeteraan memorandum persefahaman (MoU) Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) antara Malaysia dan Singapura akan menyumbang kepada sasaran pelaburan terkumpul sebanyak RM636 bilion kepada dua zon ekonomi di negeri ini.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (Irda) Datuk Dr Badrul Hisham Kassim berkata, JS-SEZ dan Zon Kewangan Khas (SFZ) Forest City akan menerima manfaat sasaran pelaburan terkumpul itu menjelang 2030.

“Irda amat gembira dengan termeterainya MoU yang sudah ditandatangani oleh Malaysia dan

Singapura pada hari ini (semalam) berkaitan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

“Pembentukan dan pelaksanaan zon ini akan membawa pelbagai peluang dan kelebihan kepada Iskandar Malaysia sebagai sebuah destinasi pelabur dan perniagaan asing serta tempatan.

“JS-SZE bukan hanya membawa limpahan manfaat kepada pembangunan holistik di Iskandar Malaysia, termasuklah daripada aspek sosial dan alam sekitar, malah ia akan menyumbang kepada sasaran pelaburan terkumpul terbaharu dua zon ekonomi di Johor iaitu RM636 bilion menjelang 2030,” katanya, semalam.